

**PERANAN DAN IMPAK TARBIYAH
DALAM PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS):
KAJIAN TERHADAP WACANA RASMI DAN
PENGALAMAN HIDUP AHLI-AHLI DALAM
DEWAN MUSLIMAT PAS NEGERI PULAU
PINANG (DMPNPP)**

NORHANA BINTI KHALED

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2022

**PERANAN DAN IMPAK TARBIYAH
DALAM PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS):
KAJIAN TERHADAP WACANA RASMI DAN
PENGALAMAN HIDUP AHLI-AHLI DALAM
DEWAN MUSLIMAT PAS NEGERI PULAU
PINANG (DMPNPP)**

oleh

NORHANA BINTI KHALED

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Oktober 2022

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala pujian diberikan kepada Allah S.W.T dan selawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W. atas kurniaan ini. Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada Kementerian Pengajian Tinggi kerana memberikan biasiswa MyBrain15 (MyPhD) untuk saya meyambung pengajian. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan rasa syukur yang tidak terhingga atas sokongan, pengorbanan dan kefahaman yang sangat tinggi daripada ibu bapa saya, iaitu Azizah Saad dan Khaled Ahmad. Sekalung penghargaan juga diberikan terhadap sokongan dan kasih sayang daripada kaklong, abang dan anak saudara yang sentiasa membawa keceriaan dalam hidup ini. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih terhadap penyelia pengajian iaitu Profesor Dr. Ahmad Fauzi Abdul Hamid atas semua tunjuk ajar. Jutaan terima kasih juga atas bimbingan, tunjuk ajar dan kata-kata semangat yang tidak putus-putus daripada Kak WanRohila dan Dr. Fazil. Terima kasih yang tidak terhingga juga terhadap ahli akademik lain yang turut membantu penulisan kajian ini, iaitu Dr. Khairiah, Dr. Fatan, Dr. Saiyid Radzuwan, Dr. Wan Asna, Prof. Dr. Rashila, Dr. Azlizan, Dr. Zaireeni, Dr. Noresah dan Dr. Mimi Hanida. Terima kasih juga terhadap pemeriksa tesis iaitu Dr. Faridah, Dr. Siti Zuliha dan Dr. Ummu Atiyah. Tidak dilupakan, terima kasih kepada Dr. Rokat yang mengadakan sesi 'Morning Doc' setiap hari. Terima kasih juga terhadap KakHairani, KakSyafinas, Rahimi, Syahmi, Mustakim, Faizal, Luqman, CheHamdan, Mustafa, Sarinah, Najwa, Adawiyah, Mida, Joanne dan WanAzura. Tidak dilupakan terima kasih terhadap kakitangan Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ) iaitu, Pn. Nazira, Pn Gaitiri, KakEkin dan lain-lain. Jutaan terima kasih diucapkan kepada informan yang menyertai kajian. Syukur kepada Allah S.W.T. dengan kerjasama dan bantuan kalian semua, pengajian ini akhirnya dapat ditamatkan.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
SENARAI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH.....	ix
SENARAI SINGKATAN.....	x
SENARAI LAMPIRAN.....	xi
ABSTRAK	xii
ABSTRACT	xiv
BAB 1 PENDAHULUAN.....	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	1
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Persoalan kajian	7
1.5 Objektif kajian	8
1.6 Skop Kajian	8
1.7 Teori dan Konsep	11
1.7.1 Teori Gerakan Sosial (SMT)	12
1.7.2 Pendekatan Hidup Beragama dan Muslimat dalam PAS.....	15
1.8 Sorotan Kajian	19
1.8.1 Pengenalan	19
1.8.2 Latar belakang kajian mengenai PAS.....	19
1.8.3 Tarbiyah dalam konteks Malaysia.....	26
1.8.4 Tarbiyah dalam Parti Islam Se-Malaysia (PAS)	32
1.8.5 Kajian mengenai Muslimat dalam PAS.....	46
1.8.6 Kesimpulan	51

1.9	Organisasi Kajian.....	52
BAB 2 KERANGKA KONSEPTUAL ISLAMISME DAN IMPAK TERHADAP TARBIYAH PAS.....55		
2.1	Pengenalan.....	55
2.2	Perjuangan Muslim untuk mencapai kemerdekaan	55
2.2.1	Kemunculan Nasionalisme Melayu.....	58
2.2.2	Penubuhan Organisasi Islam.....	62
2.3	Pengukuhan Islamisme di Malaysia.....	65
2.3.1	Islamisme PAS dan Islamisasi UMNO.....	67
2.3.2	Islamisme PAS dan pentadbiran Abdullah Ahmad Badawi (2003-2008).....	88
2.3.3	Islamisme PAS dan pentadbiran Najib Razak (2009-2018)	90
2.4	Perkaitan tarbiyah dalam PAS dan kerjasama politik	93
2.5	Konflik politik dan pengukuhan tarbiyah dalam PAS	100
2.6	Kesimpulan.....	107
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN..... 109		
3.1	Pengenalan.....	109
3.2	Proses Dan Kaedah Kajian	109
3.3	Penggunaan Kaedah Penyelidikan	113
3.3.1	Mengkaji Semula Sumber Bertulis.....	114
3.3.2	Temu Bual Separa Struktur.....	116
3.3.3	Profil Informan.....	121
3.3.4	Pemerhatian Turut Serta	130
3.4	Isu-Isu Etika.....	132
3.5	Subjektiviti dan Positionaliti.....	135
3.6	Menganalisis Dan Mentafsir Data.....	139
3.7	Kesimpulan.....	143

BAB 4	TARBIYAH DALAM PARTI ISLAM SE-MALAYSIA (PAS) 144
4.1	Pengenalan.....	144
4.2	Latar belakang penubuhan PAS.....	145
4.3	Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS)	146
4.3.1	Dasar, Seruan dan Tujuan PAS	147
4.3.2	Matlamat Perjuangan PAS	148
4.4	Latar belakang perkembangan tarbiyah PAS	149
4.5	Pengaruh Tarbiyah Ikhwanul Muslimin dalam PAS	159
4.6	Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Pusat	164
4.6.1	Sukatan Tarbiyah.....	166
4.6.2	Program-program Tarbiyah.....	167
4.6.2(a)	<i>Usrah</i> (Bulatan Belajar).....	168
4.6.2(b)	<i>Tamrin</i> (Latihan Berbentuk Amali).....	175
4.6.2(c)	<i>Ta' alim</i> (Majlis Ilmu)	178
4.6.2(d)	<i>Liqa' Fikri</i> (Perbincangan dan Perkumpulan Intelektual)	179
4.6.2(e)	<i>Nadwah</i> (Seminar).....	180
4.6.2(f)	<i>Mukhayyam</i> (Jambori atau Perkhemahan)	182
4.6.2(g)	<i>Rehlah</i> (Lawatan)	183
4.6.2(h)	<i>Qiamullail</i> atau <i>Katibah</i> (Berjaga Malam)	184
4.6.2(i)	<i>Muktamar</i> PAS (Mesyuarat Tahunan Parti)	185
4.6.2(j)	<i>Dawrah</i> (Latihan Kemahiran).....	186
4.7	Latar belakang penubuhan Dewan Muslimat PAS Malaysia (DMPM)	188
4.7.1	Tujuan, visi dan misi penubuhan Dewan Muslimat PAS (DMP)	192
4.7.2	Struktur Organisasi dalam Dewan Muslimat PAS (DMP)	194
4.7.3	Keahlian dalam Dewan Muslimat PAS (DMP)	197
4.7.4	Kepimpinan dan Dewan Muslimat PAS (DMP)	207

4.7.5	Pengurusan Tarbiyah dalam Dewan Muslimat PAS (DMP)	213
4.7.6	Skop kerja Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan Dewan Muslimat PAS Negeri (DMPN) dan Kawasan (DMPK)	218
4.7.7	Sistem Pendidikan kelolaan DMPM.....	222
4.7.8	Program tarbiyah dan politik Dewan Muslimat PAS (DMP) di kawasan Permatang Pauh.....	223
4.9	Kesimpulan.....	232
BAB 5 PERANAN USRAH TERHADAP MUSLIMAT DI NEGERI PULAU PINANG		234
5.1	Pengenalan.....	234
5.2	<i>Usrah</i> Muslimat PAS	235
5.3	Manhaj Tarbiyah PAS	242
5.3.1	Panduan dalam <i>Usrah</i>	242
5.3.2	Perubahan pelaksanaan manhaj <i>usrah</i> PAS mengikut peringkat	260
5.4	Peranan rangkaian sosial dalam merekrut dan kemasukan sebagai ahli PAS	264
5.5	Memperluaskan rangkaian sosial	269
5.5.1	Penglibatan Dewan Muslimat PAS (DMP) dengan Muslimat di kampus, organisasi pelajar, dan masjid	272
5.5.2	‘Orang awam’ sebagai sasaran untuk meluaskan keahlian wanita.....	281
5.5.3	<i>Mutarabbiah</i> dengan latar belakang pendidikan Islam	286
5.6	Hubungan antara <i>Mutarabbiah</i> dengan <i>Murabbiah</i>	292
5.7	Kesimpulan.....	304
BAB 6 PENGALAMAN HIDUP AHLI-AHLI USRAH MUSLIMAT DI PULAU PINANG		307
6.1	Pengenalan.....	307
6.2	Kumpulan <i>usrah</i> Muslimat di Pulau Pinang	308
6.3	Rangkaian sosial dalam kalangan aktivis Muslimat	312
6.4	Perspektif Muslimat tentang <i>Ghazwul Fikri</i> (Perang Pemikiran).....	316

6.5	Penerimaan <i>Mutarabbiah</i> terhadap Akidah.....	324
6.6	Persepsi <i>Mutarabbiah</i> terhadap Ibadah.....	333
6.7	Penerimaan Muslimat terhadap <i>Adab</i> (Etika Islam) dan <i>Fiqh</i> (Perundangan Islam)	336
6.7.1	Pemakaian wanita Islam	337
6.7.2	Peranan wanita dalam ruang peribadi dan awam	345
6.8	Kesimpulan.....	354
BAB 7 KESIMPULAN.....		357
7.1	Pengenalan.....	357
7.2	Kesimpulan Kajian.....	358
7.3	Sumbangan Kajian	362
7.3.1	Sumbangan dalam Ilmu Pengetahuan.....	363
7.3.2	Sumbangan dalam Disiplin Ilmu	364
7.3.3	Sumbangan Metodologi	365
7.3.4	Sumbangan terhadap Parti Politik	366
7.4	Limitasi Kajian.....	367
7.5	Saranan	368
7.5.1	Kajian terhadap Latar Belakang Penubuhan Dewan Muslimat PAS Malaysia (DMPM) di Pulau Pinang	368
7.5.2	Mengkaji Usrah pada Peringkat Takwin dan Tanfiz	369
7.5.3	Penglibatan Penyelidik Lelaki.....	369
7.5.4	Memperbanyakkan Program Kerohanian dan Membina Pengetahuan	370
BIBLIOGRAFI.....		373

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1	Perbezaan kedudukan/pangkat informan.....117
Jadual 3.2	Latar belakang Informan122
Jadual 4.1	Senarai Pengerusi Dewan Muslimat PAS Malaysia (DMPM)190
Jadual 6.1	Bilangan Muslimat PAS yang bertanding dalam pilihan raya tahun 2004-2018352

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 3.1 Contoh Pembentukan Tema Tarbiyah.....	141

SENARAI SINGKATAN

BA	Barisan Alternatif
BN	Barisan Nasional
CCC	Majlis Perundingan Cina
DAP	Democratic Action Party
HAMIM	Hizbul Muslimin
HIZBI	Hizbul Islami United Kingdom
IKRAM	Pertubuhan Ikram Malaysia
IM	Ikhwanul Muslimin
IRC	Islamic Representative Council
KIMMA	Kongres India Muslim Malaysia
MCA	Malaysia Chinese Association
MIC	Malaysian Indian Congress
MSM	Majlis Surya Muslim
NASMA	Parti Nasionalis Malaysia
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PMIP	Parti Islam Pan-Malayan
PRM	Parti Rakyat Malaysia
PSRM	Parti Sosialis Rakyat Malaysia
SMT	Teori gerakan sosial
UMNO	Organisasi Nasional Melayu Bersatu
WTC	Pusat Dagangan Dunia

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Soalan Temu Bual
Lampiran B	Senarai
Lampiran C	Petikan Kutipan Wawancara

**PERANAN DAN IMPAK TARBIYAH DALAM PARTI ISLAM
SEMALAYSIA (PAS): KAJIAN TERHADAP WACANA RASMI DAN
PENGALAMAN HIDUP AHLI-AHLI DALAM DEWAN MUSLIMAT PAS
NEGERI PULAU PINANG (DMPNPP)**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meneliti tarbiyah yang dilaksanakan oleh Parti Islam Semalaysia (PAS) terhadap kumpulan usrah wanita (Muslimat) di negeri Pulau Pinang. Analisis dilakukan dengan menggunakan teori gerakan sosial (SMT) dan konsep hidup beragama untuk menggambarkan wacana rasmi dan pengalaman hidup ahli-ahli usrah wanita dalam Dewan Muslimat PAS Negeri Pulau Pinang (DMPNPP). Bagi mengkaji kumpulan usrah Muslimat, pendekatan etnografi telah digunakan. Data dikumpulkan melalui pemerhatian terhadap kumpulan usrah bermula pada Januari 2017 sehingga Januari 2019 dan temu bual terhadap sejumlah tiga puluh tiga orang informan. Mereka terdiri daripada sebelas orang ketua dan dua puluh dua ahli-ahli usrah. Dapatan kajian menemukan bahawa Muslimat gemar menghadiri usrah yang diadakan oleh DMP. Kekkerapan menghadiri usrah membolehkan indoktrinasi terhadap *mutarabbiah* bertambah baik sehingga meningkatkan kesetiaan mereka terhadap pimpinan dan mengelakkan perpecahan dalam kalangan Muslimat di negeri Pulau Pinang. Kajian juga mendapati bahawa perkembangan ahli-ahli usrah dalam DMP berlaku melalui rangkaian peribadi, rangkaian sosial dan rangkaian institusi. Walau bagaimanapun, rangkaian yang diwujudkan melalui hubungan peribadi secara tidak rasmi merupakan cara paling penting untuk menarik ramai wanita menyertai usrah. Pengkaji mendapati bahawa berdasarkan pengalaman hidup Muslimat yang mengikuti usrah mampu meningkatkan kualiti kehidupan beragama dan kesolehan individu. Namun demikian,

pengalaman hidup *mutarabbiah* adalah berbeza-beza dan kompleks. Meskipun mempraktikkan pelajaran dan disiplin yang diterima, mereka didapati tidak sentiasa memahami arahan yang ditetapkan oleh *murabbiah* dan pemimpin-pemimpin elit PAS. Oleh itu, walaupun kualiti hidup beragama *mutarabbiah* meningkatkan kesolehan dan indoktrinasi pemikiran terhadap *mutarabbiah* berjaya, tetapi, ideologi dan struktur pemikiran yang ditetapkan parti tetap gagal dicapai.

**ROLE AND IMPACT OF TARBIYA IN PARTY ISLAM SEMALAYSIA
(PAS): STUDY OF OFFICIAL DISCOURSES AND LIVED EXPERIENCES
OF MEMBERS OF DEWAN MUSLIMAT PAS PULAU PINANG (DMPNPP)**

ABSTRACT

This study intends to scrutinize the tarbiya (education) implemented by Party Islam Se-Malaysia (PAS) towards female usrah group in Penang. My analysis borrows from aspects of social movement theory (SMT) and conceptions of lived religion to illuminate both official discourses and lived experiences of the female members in Dewan Muslimat PAS Negeri Pulau Pinang (DMPNPP). To investigate female usrah group, I used ethnography approaches. Fieldwork conducted starting from January 2017 until January 2019. Data collected using observation and interview from thirty-three members. From thirty-three members there is eleven mentors and twenty-two usrah members. Research found female members like to attend usrah conducted by Dewan Muslimat PAS (DMP). Because female members constantly attended usrah, indoctrination toward them consider success. As a result, they become loyal to the leaders and avoid division among female members in Penang. Research also found that the development of female usrah members in DMP occurs through private network, social network, and institutional network. But, network from informal private relationship become the most important way to attract female in become usrah members. The finding also identify lived experiences of female members in usrah improved their lived religion and individual piety. However, their lived experienced are difference and complex. Although they practice the lessons and discipline learn in usrah, they not always follow the order from female mentors and their elite leaders.

Hence, lived religion improved their private piety and indoctrination to them are success, but, the party ideology and structure failed to achieved.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kajian ini memberi tumpuan terhadap peranan tarbiyah iaitu pendidikan dalam PAS kerana tarbiyah merupakan faktor utama dalam memberikan kekuatan dan membentuk sebuah gerakan Islam yang stabil. Kegagalan memperkasakan dan memperkemaskan tarbiyah menyebabkan sesebuah gerakan Islam mengalami kemerosotan dan menyebabkan ahli menjadi keliru. Permulaan era kepimpinan ulamak pada tahun 1982 menandakan bermulanya era baru pelaksanaan tarbiyah yang berbeza berbanding sebelumnya. Oleh itu, kajian ini secara spesifiknya bertujuan untuk mengkaji kerjasama dan pertentangan antara wacana rasmi dan pengalaman hidup dalam PAS, dan sejauhmana hubungan dan ketegangan ini dicerminkan antara pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli lain. Kajian secara khusus dilakukan terhadap Dewan Muslimat PAS Negeri Pulau Pinang (DMPNPP). Bab ini akan dimulakan dengan menyediakan pengenalan kajian secara umum yang merangkumi perbincangan mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian dan objektif kajian, kepentingan kajian, skop, teori dan konsep, dan organisasi kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Parti Islam Se-Malaysia (PAS) ditubuhkan di Kepala Batas, Pulau Pinang pada 24 November 1951. Penubuhan dicadangkan di Madrasah Masriyyah, Tanah Liat berhampiran Bukit Mertajam, manakala, ibu pejabat pertama bertempat di Kepala Batas, Seberang Perai (Farish, 2014:40). Pada peringkat awal, PAS berkembang pesat dan mendapat sokongan yang kuat di negeri Pulau Pinang. Perkembangan PAS di

Pulau Pinang amat berkait rapat dengan perkembangan institusi pendidikan agama seperti madrasah, sekolah pondok dan masjid. Tokoh-tokoh terkemuka dan ulamak tempatan turut memberikan sokongan terhadap penubuhan PAS yang membolehkan parti terus berkembang dan mendapat sambutan majoriti masyarakat. Namun demikian, perkembangan ini disaingi oleh perkembangan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). UMNO yang mempunyai sayap wanita dikenali sebagai Kaum Ibu (KI) mendapat sambutan ramai wanita Melayu. Oleh itu, bagi menghalang wanita-wanita Melayu terlibat dengan KI, sebuah cadangan untuk menubuhkan sayap wanita dalam PAS telah tercetus pada tahun 1952 oleh Ustaz Zabidi Ali. Pada tahun 1953, Dewan Muslimat PAS telah ditubuhkan secara rasmi di Kepala Batas, Pulau Pinang. Dewan Ulamak PAS (DUP) dan Dewan Pemuda PAS (DPP) turut ditubuhkan serentak untuk membantu mengembangkan PAS.

Namun demikian, apabila Pulau Pinang dilanda permodenan dan kemasukan golongan imigran Cina dan India, aktiviti-aktiviti institusi pendidikan agama semakin tercabar dengan institusi pendidikan moden sehingga menyebabkan institusi pendidikan agama mengalami kemerosotan. Kemerosotan institusi pendidikan agama memberikan pengaruh secara langsung terhadap perkembangan tarbiyah lalu menyebabkan sokongan dan perkembangan PAS berkurangan. Selanjutnya, PAS berkembang dan mendapat sambutan memberangsangkan di negeri-negeri yang mempunyai majoriti penduduk Melayu seperti di Kelantan dan Terengganu apabila pengaruhnya dibawa ke sana. Perkembangan yang berterusan membolehkan PAS memenangi kerusi pilihan raya negeri dan persekutuan sehingga membentuk kerajaan di negeri Terengganu (1959-1961) dan negeri Kelantan (1959-1978). Pada tahun 1973, PAS telah bertindak menyertai Barisan Nasional (BN) tetapi telah dikeluarkan daripada gabungan ini pada tahun 1977. Pada ketika ini, PAS juga mengalami krisis

dalam parti yang menyebabkan wujudnya ketegangan dalam kalangan para pemimpin. Konflik dengan UMNO dan krisis dalam parti menyebabkan PAS mengalami kekalahan besar dalam pilihan raya umum 1978. Kesan daripada kekalahan ini mengakibatkan PAS kehilangan negeri Kelantan yang telah ditadbir selama 18 tahun (Jomo & Ahmed Shabery, 1988; Yusoff, 2015).

Bagi mempertingkatkan semula kekuatan dalam kalangan ahli-ahli PAS, maka, kepemimpinan parti merasakan adalah penting untuk mewujudkan unit khas bagi memperbaiki persaudaraan (*ukhwah*) dalam kalangan ahli-ahli PAS. Para pemimpin PAS menyedari bahawa program dalam parti sangat penting untuk membina kekuatan daripada dalam dan memulihkan semangat ahli-ahli PAS.¹ Sehubungan itu, wujud gerakan untuk mewujudkan kepimpinan berasaskan ulamak dan menggulingkan kepimpinan Mohd Asri Muda. Pada tahun 1982, kepimpinan PAS dikuasai oleh ulamak apabila Yusof Rawa menjadi pemangku jawatan Presiden dan menyandang jawatan Presiden secara rasmi pada tahun 1983. Ketika PAS dipimpin oleh ulamak, Lajnah Tarbiyah dan Latihan Kepimpinan PAS telah ditubuhkan pada tahun 1982 dengan dipengerusikan oleh Abdul Hadi Awang. Menurut Riduan (2005, 2015a), Lajnah Tarbiyah dan Latihan Kepimpinan PAS (juga dikenali sebagai Lajnah Tarbiyah PAS Pusat) telah mengadakan Seminar Tarbiyah pada tahun 1982. Seminar Tarbiyah ini telah memperkenalkan sebuah silibus khusus dalam sukatan tarbiyah yang diadakan secara berkala dengan program-program tarbiyah terdiri daripada *usrah*, *tamrin*, *mukhayyam*, *liqa' fikri* dan *ijtimak* (Liow, 2011; Mohamad Nor Riduan, 2005, 2015a). Semua program-program ini menjadi komponen utama yang dirangkumkan dalam kurikulum *Tarbiyah Harakiyah* (Farish, 2014; Liow, 2011; Yusoff, 2015). Oleh itu,

¹ Meskipun tarbiyah telah wujud sejak tahun 1950an dan 1940an, tetapi, pelaksanaan program tarbiyah yang lebih tersusun dan sistematik hanya berlaku apabila wujudnya kepimpinan ulamak 1982.

tarbiyah amat penting bagi membina kekuatan dalam kalangan ahli-ahli PAS melalui ikatan persaudaraan. Selain itu, tarbiyah juga penting bagi membolehkan matlamat untuk membina sebuah negara Islam yang ditadbir berdasarkan undang-undang Islam (undang-undang *syariah*) tercapai (Ahmad Fauzi, 2018:50; Ahmad Fauzi & Che Hamdan, 2015:304-312; Liow, 2009:6; Rane, 2011:341-345).

Memandangkan tarbiyah merupakan sumber kekuatan dan memberikan pengaruh yang besar terhadap parti, maka, wujud suatu kepentingan untuk mengkaji tarbiyah secara lebih terperinci. Bagi mengkaji pelaksanaan tarbiyah dalam PAS, maka, kajian ini akan memberi tumpuan terhadap wacana rasmi yang dibentuk oleh pemimpin-pemimpin PAS dan pengalaman hidup ahli-ahli PAS yang mengikuti program-program tarbiyah. Walaupun pelaksanaan tarbiyah sangat penting untuk memberikan kekuatan dalam terhadap parti, tetapi pelaksanaan wacana rasmi yang dibentuk oleh pemimpin-pemimpin PAS kurang diberi tumpuan dalam kajian lepas, malahan pelaksanaannya juga adalah berbeza-beza di peringkat negeri, kawasan dan cawangan. Pengalaman hidup yang dilalui oleh ahli-ahli PAS yang mengikuti program-program tarbiyah juga adalah kompleks.

Kajian-kajian mengenai tarbiyah juga lebih banyak tertumpu di negeri-negeri yang mempunyai majoriti penduduk Melayu Muslim seperti di Kelantan dan Terengganu sebagaimana kajian yang dilakukan oleh Ahmad Ali (2019), Kessler (1978) dan Shiozaki (2015). Kajian mengenai pelaksanaan tarbiyah di negeri Pulau Pinang kurang diberikan tumpuan sedangkan cadangan dan penubuhan PAS berlaku di negeri Pulau Pinang. Kemerosotan kekuatan pengaruh dan sokongan PAS di Pulau Pinang adalah disebabkan kurangnya tarbiyah. Selain itu, penelitian terhadap pelaksanaan tarbiyah di negeri Pulau Pinang dirasakan unik, rencam dan kompleks memandangkan penduduk Melayu Muslim di negeri ini merupakan golongan minoriti

berbanding golongan bukan Melayu Muslim yang terdiri daripada kaum India, Cina, bukan warganegara dan lain-lain. Pada tahun 2020, Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia yang dilakukan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menyatakan bahawa penduduk Melayu Muslim yang tinggal di Pulau Pinang berjumlah 637900, manakala, penduduk berbangsa Cina berjumlah 708400, bangsa India berjumlah 173300, bukan warganegara berjumlah 151000 dan bangsa lain-lain berjumlah 6100. Secara kesimpulannya, penduduk Melayu Muslim yang tinggal di Pulau Pinang merupakan golongan minoriti berbanding majoriti penduduk bukan Melayu Muslim yang berjumlah 1038800 (Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020).² Bagi tujuan ini, wujud keperluan khusus untuk mengkaji pelaksanaan tarbiyah dengan meneliti wacana rasmi yang dilaksanakan dan pengalaman hidup yang dilalui oleh ahli-ahli PAS dalam konteks negeri Pulau Pinang.

1.3 Permasalahan Kajian

Perkembangan tarbiyah yang pesat di Pulau Pinang amat dipengaruhi oleh peranan dan pengaruh yang dimainkan oleh ulamak dan institusi pendidikan agama seperti sekolah pondok, madrasah dan masjid yang berkembang pada tahun 1920an sehingga lewat tahun 1940an. Tumpuan penyebaran aktiviti-aktiviti keagamaan dan perkembangan organisasi Islam di Pulau Pinang telah menyebabkan idea penubuhan sebuah parti politik Islam tercetus lalu membawa kepada penubuhan PAS pada tahun 1951 di Kepala Batas, Pulau Pinang. Bilangan ahli wanita yang semakin ramai, kedudukan ramai pemimpin-pemimpin utama PAS dan tokoh-tokoh ulamak di Pulau Pinang telah membawa kepada tercetusnya idea penubuhan Dewan Muslimat PAS

² Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia. Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020. https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM_DOSM.PULAUPINANG_1.2020_Siri-90.pdf [diakses pada 14 Oktober 2021]

(DMP) pada tahun 1952. Pada tahun 1953, DMP secara rasminya ditubuhkan di Kepala Batas dengan pemimpin-pemimpin awalnya terdiri daripada Muslimat yang menetap di Pulau Pinang. Namun demikian, kajian lepas sering mengabaikan latar belakang penubuhan DMP di Pulau Pinang. Oleh itu, wujud satu keperluan penting untuk mengkaji DMP di Pulau Pinang memandangkan tiada kajian yang dilakukan mengenainya.

Majoriti Muslimat gemar menghadiri program-program kerohanian dan keagamaan. Secara umumnya, kehadiran mereka dalam program berbentuk kerohanian dan keagamaan sentiasa mendapat sambutan. Mereka juga didapati sangat kerap dan konsisten menghadiri program tarbiyah yang diadakan secara berkala dan teratur. Pandangan ini turut diperakui oleh Zaireeni (2017, 2020a) bahawa Muslimat suka menghadiri program-program tarbiyah yang berbentuk keagamaan seperti usrah berbanding melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti politik. Namun demikian, kajian mengenai Muslimat banyak tertumpu dalam politik dan pilihan raya dengan penglibatan Muslimat dalam tarbiyah sering diabaikan dalam kajian lepas. Oleh itu, wujud satu keperluan untuk mengkaji kecenderungan Muslimat yang gemar untuk menghadiri program tarbiyah khususnya usrah. Kehadiran majoriti Muslimat secara konsisten dalam usrah adalah sangat penting bagi menjelaskan minat, kecenderungan, peranan dan kesan usrah terhadap keberadaan Muslimat dalam parti.

Selepas Muktamar Tahunan PAS Tahun 2015 di Kuala Selangor yang mencatatkan perpindahan beramai-ramai pemimpin dan ahli PAS, majoriti Muslimat menunjukkan tahap kesetiaan yang tinggi apabila mereka kekal konsisten berada dalam parti. Hal ini dapat dilihat apabila pemimpin-pemimpin wanita dalam PAS masih ramai yang kekal berbanding pemimpin-pemimpin lelaki yang mengisytiharkan diri menyertai Parti Amanah Negara. Bilangan kehadiran Muslimat dalam kebanyakan

program PAS juga masih ramai. Dalam kata lain, majoriti Muslimat masih kekal dalam parti disebabkan keberkesanan indoktrinasi yang dilakukan oleh DMP melalui program-program tarbiyah khususnya usrah. Keberkesanan indoktrinasi melalui program-program tarbiyah tidak hanya berlaku selepas Muktamar Tahunan PAS Tahun 2015, malahan, sejak peringkat awal penubuhan PAS apabila ahli-ahli Muslimat perlu memilih sama ada untuk setia menjadi ahli PAS atau mengikuti suami atau bapa yang menjadi ahli UMNO. Ramai dalam kalangan Muslimat yang kekal menjadi ahli PAS tetapi terpaksa meninggalkan PAS selepas dipecat oleh jawatankuasa parti. Meskipun program-program tarbiyah khususnya usrah memainkan peranan dan memberikan kesan penting terhadap Muslimat, tiada kajian yang menumpukan terhadap keberkesanan program-program tarbiyah khususnya usrah dalam meningkatkan kesetiaan Muslimat terhadap parti. Oleh itu, wujud satu keperluan penting untuk memenuhi kelompangan ini.

1.4 Persoalan kajian

- (1) Bagaimanakah latar belakang penubuhan, ideologi dan perkembangan tarbiyah PAS berlaku sehingga mempengaruhi penubuhan Dewan Muslimat PAS Malaysia (DMPM) di negeri Pulau Pinang?
- (2) Bagaimanakah Dewan Muslimat PAS (DMP) membentuk kumpulan usrah untuk Muslimat di negeri Pulau Pinang agar dapat mencapai ideologi dan struktur pemikiran parti?
- (3) Bagaimanakah pengalaman ahli-ahli usrah Muslimat dalam mempelajari usrah dan sejauhmanakah mereka mempraktikkan disiplin dan tarbiyah yang diterima semasa menghadiri usrah?

1.5 Objektif kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji tarbiyah dalam PAS daripada perspektif wacana rasmi dan pengalaman hidup ahli-ahli usrah Muslimat dalam Dewan Muslimat PAS Negeri Pulau Pinang (DMPNPP). Objektif khusus dibahagikan kepada tiga:

- (1) Meneliti latar belakang penubuhan, ideologi dan perkembangan tarbiyah PAS yang membawa kepada penubuhan dan perkembangan Dewan Muslimat PAS Malaysia (DMPM) di negeri Pulau Pinang?
- (2) Mengkaji kumpulan usrah Muslimat yang dibentuk oleh PAS agar dapat mencapai ideologi dan struktur pemikiran parti?
- (3) Menganalisis pengalaman ahli-ahli usrah Muslimat dalam mempelajari usrah dan sejauhmanakah mereka mempraktikkan disiplin serta tarbiyah yang diterima semasa menghadiri usrah?

1.6 Skop Kajian

Kajian ini memberi tumpuan terhadap tarbiyah daripada perspektif wacana rasmi yang dibentuk oleh pemimpin-pemimpin elit PAS dan pengalaman hidup ahli-ahli usrah Muslimat di peringkat akar umbi. Kajian ini memilih wanita PAS sebagai model perbincangan dalam konteks tarbiyah kerana kajian seumpama ini masih tiada. Namun demikian, kajian lepas mengenai wanita PAS mengakui bahawa mereka gemar menghadiri dan mengadakan program-program berbentuk keagamaan atau kerohanian. Kajian ini memilih Dewan Muslimat PAS Negeri Pulau Pinang (DMPNPP) kerana ia ditubuhkan di negeri ini pada tahun 1953. Sekaligus, membuktikan bahawa DMPNPP adalah sayap wanita tertua berbanding DMP di negeri-negeri lain dan menjadikan ia signifikan untuk dikaji.

Kajian lapangan dijalankan bermula pada Januari 2017 sehingga Januari tahun 2019 iaitu selama 24 bulan. Kajian dilakukan selepas Muktamar Tahunan PAS Tahun 2015 di Kuala Selangor yang menyaksikan perpindahan ramai pemimpin dan ahli PAS, maka, peristiwa ini turut mempengaruhi dapatan kajian. PAS telah kembali dikuasai oleh golongan yang pro-ulamak dan berfikiran konservatif. Selepas kumpulan ini kembali menguasai parti, program-program tarbiyah kembali dipertingkatkan. Program usrah kembali diadakan dengan lebih konsisten yang membolehkan pengkaji menghadiri lebih daripada sepuluh sesi perjumpaan usrah. Sepanjang tempoh ini, pengkaji mendapati kedudukan sebagai pengkaji wanita banyak mempengaruhi penglibatan dalam program-program tarbiyah sehingga mempengaruhi dapatan kajian. Sebagai contoh, pengkaji dapat hadir dalam usrah yang diadakan DMP dengan lebih mudah dan bebas berbanding menghadiri usrah Dewan Pemuda PAS. Kekurangan pengkaji menghadiri program PAS menyebabkan temu bual dengan informan kajian menjadi lebih mudah. Oleh itu, temu bual bersama dengan informan wanita lebih mudah diatur dan dilaksanakan, berbanding temu bual dengan informan lelaki yang cenderung mengelak dan mengubah tarikh pada saat-saat akhir.

Sepanjang tempoh menjalankan kerja lapangan, semua program tarbiyah yang melibatkan Muslimat dan diadakan di negeri Pulau Pinang telah dihadiri pengkaji. Pengkaji juga berusaha untuk menghadiri semua aktiviti yang diadakan oleh PAS dan DMP di negeri Pulau Pinang dan di negeri-negeri lain bagi membolehkan pengkaji membina hubungan yang baik dengan informan dan mengenalpasti informan yang berpotensi. Terdapat pelbagai jenis program tarbiyah yang dilaksanakan oleh DMP di negeri Pulau Pinang. Meskipun, pengkaji menghadiri semua program tarbiyah yang diadakan, tetapi fokus utama diberikan terhadap program usrah yang diadakan secara konsisten berbanding program-program lain. Program usrah diadakan dua minggu

sekali atau sebulan dua kali. Terdapat program tarbiyah lain yang tidak dibenarkan dihadiri pengkaji kerana program tersebut diperuntukkan dan memerlukan komitmen daripada ahli-ahli tertinggi PAS sahaja, malahan, pengkaji dimaklumkan bahawa maklumat-maklumat sulit akan dibincangkan dan disebar dalam program tersebut.

Bagi menganalisis wacana rasmi yang dibentuk oleh pemimpin-pemimpin elit PAS, pengkaji menggunakan teori gerakan sosial (SMT) dan konsep hidup beragama sebagai kerangka analisis. Bagi mengkaji wacana rasmi parti, pengkaji mendapati terdapat tiga jenis *manhaj* berbeza yang dilaksanakan mengikut peringkat tahap kefahaman dan ilmu Muslimat. Peringkat-peringkat tersebut terdiri daripada *ta'arif* (pengenalan), *takwin* (pembinaan) dan *tanfiz* (pelaksana). Peringkat-peringkat ini menggunakan *manhaj* yang tersendiri, iaitu *manhaj* usrah PAS peringkat *ta'arif*, *manhaj* usrah PAS peringkat *takwin* dan *manhaj* usrah PAS peringkat *tanfiz*. Pengkaji hanya memberi tumpuan terhadap pelaksanaan *manhaj* usrah PAS peringkat *ta'arif* memandangkan kedudukan pengkaji dianggap sebagai peserta baru dalam parti.

Bagi menganalisis pengalaman hidup beragama ahli-ahli usrah Muslimat di Pulau Pinang, pengkaji menggunakan konsep hidup beragama oleh McGuire (2008) sebagai panduan. Kajian Mahmood (2005) yang menjadikan wanita yang terlibat dalam gerakan masjid di Mesir turut dijadikan sebagai rujukan. Hal ini kerana penglibatan wanita dalam gerakan berbentuk keagamaan mampu meningkatkan kesolehan individu dan kualiti hidup beragama sehingga memberikan kesan terhadap organisasi atau persatuan yang menaungi mereka. Oleh itu, sewajarnya satu kajian khusus mengenai Muslimat dalam PAS dilakukan bagi menyumbang kepada literatur mengenai penglibatan wanita dalam tarbiyah parti. Selain itu, bilangan Muslimat yang sentiasa memberikan sambutan hangat terhadap program tarbiyah dan kekal taat

kepada pimpinan serta setia kepada parti menjadikan ia satu fenomena yang menarik untuk dikaji.

Walaupun pengkaji mengenalpasti terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan kurangnya tarbiyah PAS di negeri Pulau Pinang. Sebagai contoh, kurangnya perkembangan institusi agama, kepelbagaian kaum dan agama, kekurangan ahli-ahli yang komited dengan parti, kekangan masa, kurang tenaga *murabbi*, agenda tarbiyah kurang dibincangkan dalam mesyuarat, kelemahan kepimpinan PAS di peringkat negeri dan Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan, kelemahan pelaksanaan manhaj dalam program tarbiyah, kekurangan dana, dan tahap pendidikan ahli yang rendah menyebabkan tahap kefahaman mereka juga berbeza-beza. Namun demikian, kajian ini hanya akan memberi tumpuan terhadap wacana rasmi parti dan pengalaman, penerimaan dan pelaksanaan usrah antara pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli PAS.

1.7 Teori dan Konsep

Kajian ini bertujuan mengkaji perspektif para pemimpin dan ahli-ahli PAS terhadap wacana rasmi dan pengalaman hidup mereka apabila terlibat dalam tarbiyah. Setiap organisasi mempunyai visi rasmi tentang operasi dan ideologi rasmi.³ Hal ini dikonseptualisasikan, disuarakan, dan disebarkan oleh pemimpin-pemimpin yang mengharapkan gerakan digerakkan secara berkesan berdasarkan reka cipta rasmi. Ahli-ahli yang menyandang posisi kepimpinan dalam gerakan dan menjadi mentor utama usrah (*murabbi*) kebiasaannya telah menjadi ahli PAS lebih lama sehingga

³ 'Wacana rasmi' dalam konteks gerakan Islam kontemporari secara khususnya merujuk kepada konsep ideologi dan visi melaksanakan tarbiyah, struktur keahlian formal dan teknik merekrut ahli, kepimpinan dan kuasa agama, dan priskripsi rasmi lain seperti yang diformulakan, dibangunkan dan diubah oleh pemimpin-pemimpin di peringkat atas gerakan (Lihat bab 4 dan 5).

mereka dianggap berilmu dan berpengalaman luas dalam parti.⁴ Ramai dalam kalangan pemimpin-pemimpin yang mengikuti usrah sejak zaman sekolah menengah atau universiti. Selanjutnya, para pemimpin akan berusaha mengembangkan gerakan, mengubah kedudukan dan strategi tarbiyah mereka sebagai hasil perubahan sosial dan konteks politik serta peluang-peluang berkaitan (Fox, 2012). Para pemimpin mungkin tidak mengetahui pengalaman hidup yang dilalui oleh ahli-ahli di peringkat akar umbi. Ahli-ahli di peringkat akar umbi biasanya mengikuti dan menjadi mentor usrah dianggarkan telah terlibat dalam tempoh yang lama, manakala ahli-ahli baru yang dilatih mungkin terlibat kurang daripada setahun hingga ke dua tahun. Namun demikian, adakalanya ahli usrah mungkin baru sahaja menghadiri usrah untuk pertama kali disebabkan ingin mengisi masa lapang khususnya para pelajar institusi pengajian tinggi yang tinggal berdekatan atau pulang ke kampung ketika cuti semester. Walau bagaimanapun, kebanyakan ahli-ahli yang masih meneruskan pengajian tidak menghadiri usrah secara tetap disebabkan kekangan pembelajaran. Bagi menganalisis wacana rasmi dan pengalaman hidup yang dilalui oleh ahli-ahli PAS, dua kerangka konseptual utama digunakan iaitu: i) teori gerakan sosial (SMT); dan ii) konsep hidup beragama.

1.7.1 Teori Gerakan Sosial (SMT)

Teori Gerakan Sosial (SMT) merupakan pendekatan antara disiplin dalam sains sosial yang berusaha menjelaskan tindakan kolektif secara umum dan gerakan

⁴ *Murabbi* merujuk kepada pendidik yang mengajar sesuatu ilmu, dan pada masa yang sama, bertindak membimbing dan mendidik rohani, jasmani, fizikal dan mental pelajar-pelajarnya untuk menghayati dan mengamalkan ilmu yang dipelajari mereka. *Murabbi* merujuk kepada pendidik lelaki, manakala, *murabbiyah* merujuk kepada pendidik perempuan. *Murabbi* atau *murabbiyah* merupakan istilah yang paling sesuai digunakan bagi merujuk kepada pendidik dalam konteks usrah. Namun demikian, pengkaji juga sering didedahkan dengan perkataan *nuqaba* ' ketika menjalankan kajian. *Nuqaba* ' merujuk kepada seseorang yang mengurus dan mengendalikan urusan masyarakat. *Nuqaba* ' juga dianggap sebagai ketua kumpulan yang terdiri daripada *naqib* (ketua kumpulan bagi lelaki) dan *naqibah* (ketua kumpulan bagi perempuan).

sosial secara khusus. Ia tentang bagaimana gerakan sosial mengenalpasti masalah sosial, merumuskan tindak balas perubahan sosial, membina identiti biasa atau kelaziman antara ahli-ahlinya dan menggerakkan sokongan mereka, serta perubahan konteks dan dinamik politik mempengaruhi gerakan. Namun demikian, kajian mengenai SMT kebanyakannya dibuat berkaitan hubungan dengan masyarakat Barat (Wiktorowicz, 2004: 4). Dalam konteks Barat, gerakan sosial sering kali berbentuk formal. Hal ini berbeza dengan gerakan Islam. Kajian yang dijalankan Wiktorowicz (2001) mendapati gerakan Islam yang berdepan dengan penindasan daripada negara lebih cenderung menggunakan rangkaian atau komuniti kurang formal dan tidak rasmi sebagai tindakan kolektif sebagaimana gerakan Salafi di Jordan. Mereka kurang menggunakan cara-cara yang boleh dilihat secara terbuka untuk menggerakkan penyokong dan membina gerakan.⁵ Kajian akan menggunakan SMT untuk menganalisis PAS.

Kajian ini menggunakan SMT bagi menjelaskan bagaimana PAS mengekalkan kayu ukur formal dan tidak formal yang berbeza. PAS dilihat sebagai sebuah parti yang formal apabila melibatkan politik dan menjadi kurang formal dalam beberapa perkara apabila wujud rangkaian dinamik yang melangkaui batasan organisasi politik formal. Elemen tidak formal yang perlu diberikan perhatian terdiri daripada kumpulan-kumpulan kecil contohnya usrah. Setiap kumpulan usrah, biasanya mengandungi bilangan ahli yang sedikit berbeza dengan struktur asas Islamis seperti Ikhwanul Muslimin (IM) di Mesir. Sekatan yang dilakukan penjajah British menyebabkan lahir gerakan Islam bagi memperjuangkan hak-hak orang Melayu dan kemerdekaan negara.

⁵ Menurut Wiktorowicz (2001, 2004), organisasi gerakan sosial sering digunakan di Barat disebabkan organisasi adalah formal, berpusat dan birokrasi menyebabkan organisasi menjadi mekanisme paling berkesan. Di negara-negara umat Islam, organisasi lebih cenderung tidak berpusat, kurang formal, dan kurang birokrasi disebabkan negara authoritarian sekular biasanya berusaha menindas atau bersama-sama melakukan Islamisasi yang bermula daripada bawah (Mandaville, 2014).

Pada tahun 1948, Hizbul Muslimin (HM) yang merupakan organisasi Islam ditubuhkan tetapi telah dibubarkan (Abu Dardaa et al., 2014). Pembubaran Hizbul Muslimin (HM) membawa kepada penubuhan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) yang terlibat dalam politik secara lebih serius. Pada peringkat awal penubuhan PAS pada tahun 1951, PAS berfungsi sebagai sebuah badan kebajikan yang mendapat perhatian daripada ramai para ulamak dan tokoh-tokoh pejuang Melayu. Situasi politik ketika PAS mula ditubuhkan pada tahun 1950an menunjukkan wujud ketegangan dengan pemerintah dan sekatan dalam politik sehingga menyebabkan sekolah-sekolah agama menjadi tempat untuk perlindungan paling selamat. Sekolah-sekolah agama memainkan peranan penting yang menyebabkan usrah secara tidak formal dibentuk (Farish, 2004a).

Ketika ini, tindakan formal diambil oleh PAS dengan matlamat untuk mengambil kesempatan daripada peluang politik yang disediakan oleh kerajaan yang lebih demokratik, manakala, langkah-langkah kurang formal dan tidak formal diambil parti bagi menyokong usaha merekrut ahli-ahli baru dan menggerakkan pihak yang bersimpati. Walaupun SMT membantu menjelaskan proses-proses sosial secara umum, tetapi tidak membantu dalam menganalisis bagaimana ahli-ahli secara khusus melihat, melalui pengalaman dan terlibat dengan ideologi tarbiyah dan visi parti. Hal ini dipengaruhi dan dibentuk oleh lokasi sosial dan subjektiviti individu yang mungkin berbeza daripada konseptualisasi formal dan pandangan para pemimpin. Oleh itu, SMT adalah terhad. Hal ini menyebabkan perbincangan lebih tertumpu terhadap persepsi ahli-ahli dan pengalaman mereka.

1.7.2 Pendekatan Hidup Beragama dan Muslimat dalam PAS

Pengalaman hidup Muslimat dalam usrah PAS akan dijelaskan dengan menggunakan konsep hidup beragama. Konsep hidup beragama dapat dikaitkan dengan pengalaman Muslimat terlibat dalam gerakan agama seperti usrah yang dirangka oleh pemimpin-pemimpin PAS dalam bentuk agama dan mempunyai agenda politik. Oleh itu, hujah utama dalam kajian ini ialah pengalaman hidup ahli-ahli biasa dalam PAS sering diabaikan dalam kajian-kajian sebelumnya. Berdasarkan penelitian terhadap literatur gerakan Islam kontemporari, pengkaji melihat wujud kepentingan untuk menyeimbangkan perspektif wacana rasmi tentang tarbiyah dengan mengkaji pengalaman hidup tidak rasmi ahli-ahlinya. Tujuan kajian ini adalah untuk memberi gambaran yang lebih seimbang dan lengkap tentang PAS di Malaysia daripada perspektif ahli-ahli yang terlibat dalam hidup beragama.

Berdasarkan kajian lepas, kajian mengenai hidup beragama dalam kehidupan harian dapat dilihat melalui penelitian pengkaji sosiologi agama seperti Nancy T. Ammerman dan Meredith McGuire. Namun demikian, kajian yang dijalankan oleh mereka tidak memberi tumpuan terhadap masyarakat Muslim. Bagi Ammerman (2014), mengkaji persepsi ahli-ahli dalam organisasi adalah bertujuan untuk mendengar pengalaman harian mereka. Ammerman (2007) menyatakan bahawa kajian terhadap amalan harian bermaksud memberikan tumpuan istimewa terhadap “pengalaman bukan pakar” (Ammerman, 2007:5). Tambahan pula, perspektif hidup beragama membantu pengkaji untuk membina kefahaman tentang sifat pelbagai lapisan gerakan agama dan realiti kehidupan harian ahli-ahlinya (Ammerman, 2014). Selaras dengan hujah Ammerman (2014), Berglund (2014) yang menjalankan kajian mengenai Muslim di Eropah menekankan bahawa wacana rasmi yang mewakili gerakan Islam sebagai sebuah institusi monolitik yang stereotaip dengan semua

individu yang terlibat dalam gerakan tersebut mempunyai perspektif dan sikap yang sama. Bagi para pengkaji, agama harian bagi ahli-ahli gerakan dicirikan sebagai agama dan kerohanian yang berbentuk peribadi (Bellah et al., 1985; Hamberg, 2009; Heelas & Woodhead, 2005). Kerohanian ‘selalunya dicirikan sebagai individualistik, pragmatik, dan memberikan tumpuan utama terhadap autonomi dan pengalaman peribadi yang bertentangan dengan autoriti agama dan ketetapan tradisi’ (Jeldtoft, 2011:1137).

Ahli sosiologi agama iaitu McGuire (2008) turut menggunakan konsep hidup beragama dalam kajiannya. Bagi beliau, hidup beragama ialah “agama yang ditunjukkan dan dilalui dalam kehidupan individu” (McGuire, 2008:3). McGuire (2008:11) mencadangkan satu cara untuk melihat agama dalam kehidupan harian adalah dengan memfokuskan kepada keagamaan individu. Beliau ingin membuat perbezaan antara “pengalaman sebenar orang yang beragama daripada agama yang ditetapkan berdasarkan kepercayaan dan amalan yang ditakrifkan oleh institusi” dengan memberikan tumpuan pada agama dari segi “amalan, pengalaman dan luahkan oleh orang biasa” (McGuire, 2008:12). Ammerman dan McGuire menjelaskan bahawa hidup beragama secara khususnya adalah bentuk agama dan kerohanian yang dijelmakan dan digubal yang berlaku dalam kehidupan harian. Dengan mengambil kira pengalaman wanita, McGuire berpendapat bahawa keagamaan dan identiti diri jantina boleh dinyatakan dan diubah dalam proses berterusan sesuatu amalan yang melibatkan minda, tubuh dan roh. Beliau berpendapat bahawa “amalan yang digerakkan tubuh melibatkan jantina diri yang secara sosialnya dibangunkan, dikekalkan, dan diubah di sepanjang hidup” (McGuire, 2008:182).

Oleh yang demikian, peranan dan identiti jantina dalam masyarakat sebahagian besarnya dihasilkan menerusi penggubalan norma melalui amalan tubuh. Amalan ini ditakrifkan dengan menghasilkan kehidupan harian yang dapat diterima akal dan pada masa yang sama menyumbang kepada penghasilan identiti dan rasa kebersamaan dalam diri orang ramai (McGuire, 2008:46). Kumpulan-kumpulan agama moden sering meminta ahli-ahlinya untuk berkomitmen dalam mengembangkan diri yang baru melalui cara-cara yang dirasakan berkaitan: “semua kumpulan agama (sekurang-kurangnya untuk sesetengah ahli) menggalakkan langkah-langkah transformasi diri ke arah cita-cita rohani atau pembentukan kerohanian yang ideal” (McGuire, 2008:172). Sebagai contoh, gerakan meletakkan syarat agar ahli-ahlinya memakai pakaian seragam, meminta ahli-ahli melakukan gerak isyarat tertentu dan sebagainya untuk mengurangkan identiti diri yang lama atau membina identiti baru. Kebanyakan orang yang menyertai gerakan agama dan menginginkan atau mengalami transformasi peribadi, agama baru dan amalan kerohanian mungkin juga menjadi laluan yang membuka peranan baru untuk jantina atau secara kasarnya berubah menjadi orang baru.

McGuire (2008) dalam karyanya yang bertajuk “*Lived Religion*” berpendapat bahawa pengalaman, pertuturan dan amalan agama individu adalah kompleks dan dinamik. Schielke dan Debevec (2012) pula menyatakan bahawa ‘amalan harian agama mempunyai pelbagai ragam, tidak menentu, dan selalunya tidak selaras’. McGuire (2008) turut menambah bahawa “pada tahap individu, agama adalah tidak tetap, bersatu, atau koheren (McGuire, 2008:12). Oleh itu, adalah mustahil bagi pengkaji untuk memahami agama dan identiti individu yang menjadi ahli dalam sesebuah organisasi hanya dengan mengkaji pandangan rasmi organisasi. Oleh yang demikian, wujud cabaran untuk menerangkan bagaimana individu dan kumpulan

sosial memahami kerumitan kehidupan harian, dan kepentingan kepercayaan agama dan amalannya dalam ketetapan dan konteks yang berbeza (Hunt, 2014).

Kajian tentang gerakan wanita di masjid yang dijalankan oleh Mahmood (2005) di Mesir menunjukkan perkaitannya yang relevan dengan kajian ini. Mahmood (2005) menyatakan bahawa menjadi soleh (pious) bermaksud berpegang kepada norma-norma agama terutamanya melalui pelaksanaan ibadah, memberi perhatian terhadap pemakaian Islam dan cara-cara lain dalam mengamalkan identiti Muslim. Pandangan ini tentu sekali berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh McGuire (2008) yang cenderung memberi tumpuan terhadap wanita di Barat, pembentukan hidup beragama dan kerohanian yang lebih individualistik pada sesuatu jarak daripada agama rasmi. Kajian yang dilakukan oleh Mahmood (2005) lebih memberikan tumpuan terhadap hubungan antara kesolehan yang terkini dan terkemudian dalam konteks masyarakat Muslim khususnya gerakan wanita di masjid di Mesir. Wanita dalam kajian Mahmood (2005) menunjukkan usaha untuk mengubah diri mereka dengan memakai pakaian yang lebih sopan dan menutup aurat dengan lebih baik, menunaikan solat dengan lebih kerap, dan menghadiri semua sesi keagamaan bagi wanita di masjid. Para wanita ini digesa untuk mematuhi ajaran al-Quran dan bertindak selaras dengan kehendak Allah S.W.T. Menurut para wanita Mesir ini, pelaksanaan tingkah laku ritual merupakan salah satu daripada kesinambungan amalan yang menjadi keperluan untuk merealisasikan atau menjadi soleh. Oleh itu, mendisiplinkan dan melatih diri mereka melalui amalan harian dianggap sebagai cara paling berkesan untuk mengubah identiti diri. Oleh yang demikian, kajian etnografi yang dilakukan oleh Mahmood (2005) tentang kehidupan wanita yang soleh dengan orientasi Salafi di Mesir adalah lebih dekat dengan Muslimat PAS berbanding kajian yang dijalankan

oleh McGuire (2008) yang menumpukan kepada wanita di Amerika dalam konteks agama yang bercampur-campur dan tidak rasmi.

1.8 Sorotan Kajian

1.8.1 Pengenalan

Kajian mengenai PAS semakin mendapat perhatian para sarjana meskipun masih terhad. Terdapat sebilangan kajian yang memberi tumpuan terhadap sejarah penubuhan, perkembangan parti, ideologi dan isu-isu yang sering diketengahkan PAS seperti negara Islam, hukum *hudud*, dan sebagainya. Terdapat juga pengkaji yang mengakui tentang kepentingan tarbiyah dalam PAS dan pengaruhnya terhadap ahli. Oleh itu, bab ini akan membincangkan kajian-kajian lepas dengan membahagikan kepada tiga tema utama iaitu latar belakang perkembangan PAS meliputi sejarah dan kajian-kajian mengenai PAS yang tertumpu terhadap Islamisme, tarbiyah dalam konteks Malaysia, dan perkembangan tarbiyah dalam PAS.

1.8.2 Latar belakang kajian mengenai PAS

Kajian Funston (1976) berusaha mengenalpasti fakta yang mengelirukan tentang asal usul dan tahun-tahun awal penubuhan PAS, dan mencadangkan pentafsiran pelbagai kekuatan ideologi yang mendorong kepada pembentukan parti. Beliau berpendapat bahawa secara umumnya, semua kajian mengenai PAS bermula dengan mengetengahkan kejayaannya dalam pilihan raya umum dan negeri pada tahun 1959, dan beberapa pernyataan mengenai sejarah awal PAS adalah tidak lengkap dan salah. Menerusi kajian ini, beliau berusaha untuk mengklasifikasikan beberapa fakta yang mengelirukan berkaitan dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku dan membuat pentafsiran terhadap beberapa ideologi yang membawa kepada pembentukan parti ini.

Beliau menambah bahawa kemunculan kesedaran politik orang Melayu adalah berkait dengan perkembangan tiga elit yang sedang bersaing. Tiga elit tersebut terdiri daripada elit yang dipengaruhi reformisme Islam, elit yang dipengaruhi oleh nasionalisme Indonesia dan sedikit pemikiran sosialisme, serta elit pembela hak orang Melayu yang konservatif dan paroki. Pandangan yang dikemukakan oleh Funston (1976) ini turut diberi penegasan dalam kajiannya pada tahun 1980. Menerusi kajian Funston pada tahun 1980, tumpuan yang lebih mendalam diberikan dalam menganalisis sistem politik Malaysia dengan meneliti mobilisasi politik orang Melayu di Semenanjung Malaysia dengan menumpukan kepada asal usul dan perkembangan dua parti politik Melayu terbesar iaitu UMNO dan PAS. Beliau memulakan kajian dengan memberikan gambaran keseluruhan mengenai sistem politik Malaysia yang diikuti oleh tinjauan politik Melayu pada tahun 1969 dengan menjejaki asal usul pembentukan UMNO dan PAS. Namun demikian, kajian Funston (1980) ini menyamai kebanyakan kajian yang ditulis oleh pengkaji Barat dalam mengkaji politik Melayu. Beliau dilihat kurang sensitif dan kurang memahami politik Melayu. Beliau kerap menggambarkan politik Melayu seolah-olah terpisah daripada politik orang bukan Melayu. Beliau menambah bahawa UMNO kurang memberikan sokongan dalam mempertahankan hak-hak orang Melayu berbanding PAS selaku pembangkang yang sanggup mengambil tindakan militan tanpa kompromi bagi memperjuangkan nasib orang Melayu. UMNO mempunyai pendekatan yang berbeza memandangkan parti ini perlu berkompromi dengan parti sekutu yang berada dalam Perikatan. Kajian Funston pada tahun 1976 dan 1980 ini merupakan antara kajian terawal dalam meneliti politik Melayu. Walau bagaimanapun, penelitian yang dibuat lebih cenderung dilihat berdasarkan sejarah sahaja.

Bagi meneliti sejarah perjuangan dan perkembangan PAS, karya yang dihasilkan oleh Farish (2004a) juga perlu diberi perhatian lanjut. Beliau mengkaji asal usul dan perkembangan perkembangan PAS dalam konteks yang lebih luas apabila muncul cara baru dalam memahami Islam dan identiti Muslim di Tanah Melayu ketika era penjajahan. Suara-suara baru ini mengkritik ulamak konservatif yang kurang peduli akan keadaan umat Islam yang tertindas di bawah penjajah. Mereka turut mengkritik ulamak konservatif yang memusuhi permodenan dan tidak peduli pada cabaran yang dihadapi masyarakat Melayu Muslim ketika berdepan dengan permodenan. Modernis Islam ini turut menyeru agar umat Islam memainkan peranan yang aktif dalam mengubah masyarakat, menentang pentadbiran penjajah dan pada masa yang sama tidak teragak-agak untuk mempelajari bidang ilmu pengetahuan dan teknologi yang ditawarkan oleh Barat. Farish (2004a) menambah bahawa pengasas PAS datang daripada pemikir modernis Islam. Kebanyakan mereka merupakan juara dalam memperjuangkan kepentingan etnik Melayu yang dilihat terancam oleh rejim penjajah dan kehadiran immigran Cina serta India. Mereka juga bersikap kritikal terhadap Sultan yang bekerjasama dengan British dan kurang peduli akan masyarakat Melayu yang miskin. Sesetengah daripada mereka sememangnya bersifat anti-penjajah, dan memainkan peranan utama dalam berjuang untuk menentang pentadbiran British. Farish (2004a) menambah bahawa PAS mendapat sokongan golongan miskin, terutamanya penduduk Melayu luar bandar dan berjaya memobilisasikan mereka atas nama Islam. Pandangan yang dikemukakan Farish (2004a) turut dikemukakan oleh Funston pada tahun 1976 dan tahun 1980. Farish (2004a) juga berhujah bahawa PAS mengkritik UMNO yang dikatakan mengkhianati umat Islam dan orang Melayu, malahan, menjadi kakitangan kepada imperialis Barat. Farish (2004a) menambah bahawa Islamis progresif yang diwakili oleh PAS

mengalami perubahan ketara di bawah tekanan politik khususnya pilihan raya. Perkara ini berlaku seiring dengan mengeneipkan golongan intelektual dalam kepimpinan parti dan kebangkitan ulamak konservatif pada lewat 1970an ke atas.

Farish (2004a) membahagikan tulisannya kepada dua topik besar, iaitu: (1) dari kampung kepada jihad di ruang siber; melakar permulaan lemah PAS dari tahun 1951 sehingga sekarang (2003), dan (2) memahami PAS; renungan semula Islamisme politik. Beliau memulakan kajian rintis pada lewat tahun 1999 dan siap sepenuhnya pada pertengahan tahun 2003. Kajian ini merupakan usaha murni dalam percubaan untuk memahami dan menjelaskan fenomena kemunculan, kebangkitan dan perkembangan sebuah parti politik Islam. Namun demikian, kajian ini tidak hanya memberikan sepenuhnya tumpuan terhadap sejarah PAS semata-mata. Beliau menyimpulkan analisis kajiannya dengan respons PAS terhadap peristiwa 11 September 2001 dan tindakan Amerika yang melancarkan 'perang menentang penganas'. Sebagaimana kumpulan Islamis di serata dunia, PAS mengecam keras tindakan Amerika yang menceroboh tanah umat Islam dan menyeru agar seluruh umat Islam di Malaysia untuk menyertai jihad menentang Amerika. Meskipun kajian yang dijalankan oleh Farish (2004a) merupakan sebuah kajian yang baik, terperinci dan sering menjadi rujukan bagi memahami perubahan-perubahan politik dan ideologi PAS, kajian ini tetap mempunyai kelemahan yang ketara. Pandangan-pandangan yang dikemukakan kurang memberi penekanan terhadap kekurangan yang wujud dalam PAS. Sebagai contoh, pandangan ahli-ahli di peringkat akar umbi tidak dikaji dengan lebih mendalam bagi memahami sejauhmana perubahan-perubahan yang dilakukan oleh PAS difahami oleh ahli bawahan dan bukan hanya berlegar-legar difahami oleh pemimpin-pemimpin atasan.

Kajian yang dilakukan oleh Safie (1981) memfokuskan kepada dua aspek, iaitu: peringkat-peringkat pembentukan parti dan ideologi parti. Pada peringkat pembentukan PAS, Safie (1981) berusaha untuk memahami dan menjelaskan kemunculan parti politik Islam dalam politik Melayu dalam konteks masyarakat pelbagai bangsa sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Pada bahagian kedua, beliau mengkaji kefahaman PAS terhadap tonggak ideologinya, contohnya, nasionalisme Melayu dan Islam, dan menjelaskan serta menunjukkan makna yang difahami mereka. Kajian yang dijalankan oleh Safie (1981) merupakan kajian asas bagi memahami sejarah pembentukan dan ideologi rasmi dalam PAS. Namun demikian, kajian ini terhad terhadap tahun-tahun awal perkembangan PAS dan memerlukan kajian yang lebih lanjut bagi memahami pelaksanaan dan kefahaman ideologi ini dalam mempengaruhi perkembangan parti.

Kajian yang dilakukan oleh Farish (2014) tertumpu kepada sejarah kemunculan PAS sebelum merdeka sehingga parti berkembang berkembang menjadi salah satu parti Islam yang terkenal di Malaysia dan Asia Tenggara hari ini, dengan perjuangan PAS sudah menjangkau lebih daripada enam dekad. Meskipun kajian Farish (2014) tertumpu terhadap sejarah PAS, tetapi kajian ini turut menganalisis kerangka sejarah dengan lebih meluas di Malaysia, dan dunia Islam yang lebih luas yang membangkitkan persaingan ideologi dan perpuakan teologi dalam parti. Karya Farish (2014) disusun mengikut kronologi dengan intipati setiap bab adalah perjuangan dalam PAS untuk menentukan dirinya di tengah-tengah perubahan sosioekonomi, politik dan geopolitik. Beliau bersikap pesimistik bahawa PAS akan berjaya menempuh cabaran yang membolehkan parti berjaya mentadbir negara. Ketika Farish (2014) membincangkan mengenai Kod Jenayah Syariah dan hukum *hudud* oleh Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan pada tahun 1993, beliau hanya memberikan

sedikit tumpuan terhadap kesannya kepada politik domestik negara. Apabila PAS berjaya memenangi kerajaan negeri Terengganu pada tahun 1999, Abdul Hadi Awang mengumumkan bahawa kerajaan negeri mempunyai ordinan *hudud* tersendiri dan ordinan ini lebih konservatif berbanding di negeri Kelantan. Farish (2014) juga kurang memberikan perhatian terhadap perkara ini dan kesan undang-undang ini terhadap dasar-dasar negara diabaikan. Meskipun Farish (2014) mengkaji PAS secara menyeluruh, tetapi kajian mengenai wacana rasmi PAS, ideologi parti dan kesannya kurang diberikan perhatian sewajarnya.

Kajian yang dijalankan oleh Ismail (2011) memberikan tumpuan terhadap perkembangan PAS pada peringkat awal penubuhan bermula tahun 1951 sehingga tahun 1970. Beliau berpendapat PAS merupakan kesinambungan perjuangan menuntut kemerdekaan oleh orang Melayu dan para ulamak yang menjadi pemimpin mereka ketika itu. Tiga Presiden PAS pada peringkat awal parti dijadikan tumpuan utama, iaitu: Ahmad Fuad Hassan, Abbas Alias dan Burhanuddin al-Helmy. Beliau menggunakan kaedah kajian keperpustakaan, surat khabar, dokumen-dokumen rasmi PAS, carian internet dan temu bual. Beliau menegaskan bahawa kajian hanya terhadap perjuangan PAS ketika dipimpin oleh tiga orang presiden di peringkat awal sahaja.

Kajian mengenai kebangkitan kuasa Parti Islam Pan-Malayan (PMIP) atau Parti Islam Se-Malaysia (PAS) juga dilakukan oleh Kessler (1978) terhadap komuniti di Jelawat, Kelantan untuk menjelaskan politik di negeri Kelantan ketika PAS memerintah negeri tersebut pada tahun 1959 sehingga 1969. Kebangkitan kuasa PMIP sering dikaitkan dengan kuasa Islam di bahagian pantai timur Malaysia. PMIP dikata mendapat kuasa dan kekal di Kelantan kerana berjaya mengeksploitasi fanatisme agenda dan kebencian xenobik terhadap imigran Cina. Kessler (1978) menjelaskan